



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

HARI AUDIOLOGIS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 “Dengar Sepanjang Hayat”

28 OKTOBER 2023

Audiologis, atau dikenali sebagai Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi) di Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan profesional penjagaan kesihatan yang menyediakan perkhidmatan profesional yang komprehensif bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus masalah pendengaran, keseimbangan dan sistem saraf yang berkaitan. Tarikh 10 Oktober merupakan HARI AUDIOLOGIS SEDUNIA dan sambutan yang diadakan buat julung-julung kalinya ini bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan Audiologis di Malaysia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan pada tahun 2050 terdapat 700 juta individu bersamaan nisbah 1 kepada 10 individu masyarakat mempunyai masalah pendengaran melebihi 35 decibel dan memerlukan intervensi manakala dapatan 4 bayi dalam 1000 dilahirkan dengan mempunyai masalah pendengaran. Laporan tempatan daripada perkhidmatan Pemulihan Perubatan (Audiologi) yang diperolehi dari 59 buah hospital KKM pada tahun 2022 pula menunjukkan seramai 27,067 orang pesakit kes baru didiagnos mempunyai masalah pendengaran. Manakala, laporan tempatan daripada perkhidmatan Pemulihan Perubatan (Audiologi) yang diperolehi dari 59 buah hospital KKM pada tahun 2022 pula menunjukkan seramai 27,067 orang pesakit kes baru didiagnos mempunyai masalah pendengaran.

Program Saringan Pendengaran Neonatal Universal (Universal Neonatal Hearing Screening) merupakan program yang telah berjaya mengenalpasti 3 bayi dalam 1000 kelahiran mempunyai masalah pendengaran. Kadar liputan terkini bagi bayi yang menjalani saringan pendengaran di seluruh negara telah meningkat kepada 78.5

peratus berbanding 59.9 peratus pada tahun 2022. Standard yang telah ditetapkan oleh Join Committee on Infant Hearing (JCIH) ialah 95 peratus.

Bilangan hospital KKM yang menjalankan program ini juga meningkat kepada 60 buah hospital pada tahun 2023 berbanding 48 hospital sebelum ini. Melalui program saringan ini dapat disimpulkan bahawa insiden masalah pendengaran jenis kekal adalah 4 bagi setiap 1,000 bayi yang disaring.

Menerusi Belanjawan 2024 yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri yang bertujuan untuk memastikan kesejahteraan keluarga Malaysia Madani supaya kekal afiat, perkhidmatan kesihatan hendaklah beralih daripada merawat pesakit kepada memperhebat aktiviti pencegahan penyakit dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan peruntukan sekurang-kurangnya RM130 juta yang turut merangkumi Program Saringan Pendengaran Bayi Baru Lahir.

Masalah pendengaran di kalangan para pekerja yang terdedah kepada bunyi bising di tempat kerja (*occupational noise related hearing disorder*) juga wajar diberi perhatian. Mengikut statistik kemalangan dan penyakit dalam pekerjaan 2021 kebangsaan yang dikeluarkan oleh DOSH, masalah pendengaran yang disebabkan kebisingan di tempat kerja menduduki tempat pertama di dalam carta penyakit khidmat.

Malaysia akan mencapai status 'ageing nation' pada tahun 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas mencapai 15 peratus daripada keseluruhan penduduk. Malaysia dijangka mempunyai 200,000 pesakit demensia atau nyanyuk pada tahun 2030 dan angka itu dijangka terus meningkat 312 peratus atau sehingga lebih 600,000 pesakit pada 2050. Data saintifik terkini mengesahkan bahawa risiko dementia (nyanyuk) dan kemurungan adalah lebih tinggi di kalangan warga emas yang mengalami masalah pendengaran. Kos perbelanjaan penjagaan kesihatan untuk warga emas dianggarkan dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi. Menyedari hakikat ini, adalah penting untuk kerajaan mengambil langkah persediaan awal bagi menangani isu penuaan penduduk serta menambah baik program penjagaan kesihatan warga emas.

Laporan WHO pada 2021 menyatakan bahawa masalah jatuh di kalangan warga emas terus meningkat, dan merupakan penyebab kedua tertinggi kematian mengejut.

Seperti yang diketahui, masalah keseimbangan yang dikawal oleh sistem *vestibular* dan keseimbangan tubuh mempunyai perkaitan rapat dengan deria pendengaran. Oleh itu sudah tiba masanya Audiologis untuk turut memfokus kepada diagnosis dan rehabilitasi masalah ini. Bukan hanya pada warga emas, tetapi saringan awal dari peringkat kanak-kanak lagi bagi menjamin kualiti hidup yang optima di kalangan masyarakat.

Orang Kurang Upaya di Malaysia dilindungi di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, termasuk OKU Pendengaran. Menerusi Pelan Tindakan Kebangsaan OKU (2016-2022), strategi pertama adalah untuk meningkatkan akses golongan OKU kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sejahtera. Oleh yang demikian, KKM komited dalam menyokong usaha untuk memperkasakan golongan OKU ini. Menurut statistik terkini, terdapat 44, 208 individu orang OKU Pendengaran yang terdiri daripada orang dewasa dan kanak-kanak di Malaysia yang berdaftar sehingga 30 September 2023. Statistik ini juga menunjukkan golongan warga emas berumur 60 tahun ke atas mencatatkan jumlah tertinggi berbanding golongan umur yang lain iaitu sebanyak 12, 550 orang.

Kerajaan juga komited dengan menyediakan dana bantuan alat bantu pendengaran untuk pesakit yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah mengikut kriteria yang ditetapkan. Menurut statistik kelulusan Tabung Bantuan Perubatan Januari Jun 2023, perkhidmatan Otorinolaringologi mencatatkan kedudukan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 14.3 peratus (232 kelulusan) selepas perkhidmatan Kardiologi dan Ortopedik. Kelulusan ini melibatkan alat bantu pendengaran jenis konvensional dan implant bernilai RM1.58 juta. Menerusi program Peka B40 yang mula diperkenalkan pada 2019 pula menunjukkan permohonan pembiayaan alat bantu pendengaran meningkat setiap tahun di mana sehingga September 2023, sebanyak 16, 468 permohonan telah dibuat dan kelulusan melibatkan 11, 809 orang penerima manfaat.

Sehingga tahun 2023, hampir 800 orang Audiologis tempatan yang bertauliah sedang berkhidmat dalam pelbagai sektor pekerjaan awam dan swasta di seluruh negara dan daripada bilangan ini, 198 Audiologis bertugas di 48 buah hospital kerajaan.

Dengan populasi rakyat Malaysia seramai 34 juta, nisbah Audiologis di Malaysia terhadap populasi terkini ialah 1:42 500 berbanding dengan 1:17 777 untuk terapis cara kerja, 1:656 untuk pengamal perubatan Malaysia dan 1:305 untuk jururawat Malaysia. Bilangan ini adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan unjuran keperluan Audiologis terhadap populasi rakyat Malaysia iaitu 1:500.

Bagi mendukung teras strategik Pelan Tindakan Kebangsaan OKU (2016-2022) dan selari dengan Pelan Kertas Putih Kesihatan untuk meningkatkan dan memperluas akses perkhidmatan Audiologi kepada komuniti terutama masyarakat luar bandar, kerajaan menyokong usaha untuk memperkukuh perkhidmatan Audiologi dengan meningkatkan bilangan Pegawai di hospital pakar, menambahbaik perjawatan Audiologis, menggalakkan usahasama di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta, serta memperluas perkhidmatan Audiologi di fasiliti kerajaan termasuk di fasiliti kesihatan primer.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

28 OKTOBER 2023